

# Konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Uthmaniyyah pada Abad ke-16M

## [The Conflict between the Safavid and Ottoman Empires in the 16th Century]

Maryam Afifah Sabri<sup>1</sup> & Napisah Karimah Ismail<sup>1</sup>

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: napisah@ukm.edu.my

\*Corresponding Author: napisah@ukm.edu.my

**BITARA**

Volume 8, Issue 1, 2025: 341-350  
© The Author(s) 2025  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 7 February 2025  
Accepted: 27 February 2025  
Published: 30 March 2025

### Abstrak

Kerajaan Safawiyyah dan kerajaan Uthmaniyyah merupakan dua buah kerajaan besar dalam sejarah Islam yang sering terlibat dalam persaingan sengit dari segi politik, ketenteraan dan ideologi. Perbezaan pegangan ideologi agama antara dua buah kerajaan tersebut telah menyebabkan perselisihan yang berpanjangan. Hal ini kerana Kerajaan Safawiyyah berpegang kepada fahaman syiah manakala Kerajaan Uthmaniyyah pula berpegang kepada fahaman sunni. Konflik perselisihan antara dua buah kerajaan ini turut diburukkan lagi dengan perebutan wilayah yang strategik seperti Anatolia Timur dan Mesopotamia (Iraq). Justeru, makalah ini bertujuan menganalisis faktor-faktor berlakunya konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Uthmaniyyah antara tahun 1532 hingga 1555, siri-siri perperangan antara kedua buah kerajaan dan kesan Perjanjian Perdamaian Amasya pada tahun 1555. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan daripada sumber primer dan sekunder. Dapatan menunjukkan bahawa faktor berlakunya konflik adalah disebabkan oleh perebutan wilayah, perbezaan ideologi dan penglibatan kuasa asing. Rentetan itu, sebanyak tiga siri perperangan berlaku antara kedua buah kerajaan dan penyelesaian terhadap konflik tersebut ialah termeterainya Perjanjian Amasya 1555. Kesan perjanjian tersebut menyebabkan wilayah Baghdad jatuh ke tangan Kerajaan Uthmaniyyah.

**Kata kunci:** Safawiyyah, Uthmaniyyah, konflik, ideologi, Perjanjian Amasya

### Abstract

*The Safavid and Ottoman Empires were two of the most influential Islamic states in history, frequently engaged in intense rivalry across political, military, and ideological domains. Their conflicting religious ideologies fueled prolonged discord, as the Safavid Empire adhered to Shia Islam, while the Ottoman Empire upheld Sunni Islam. This sectarian divide was further exacerbated by territorial disputes over strategically significant regions such as Eastern Anatolia and Mesopotamia (modern-day Iraq). This paper seeks to examine the underlying factors that contributed to the conflict between the Safavid and Ottoman Empires from 1532 to 1555, as well as the implications of the Peace of Amasya, signed in 1555. Employing a qualitative research approach, this study utilizes historical analysis and content examination of both primary and secondary sources. The findings reveal that the primary catalysts of the conflict were territorial ambitions, ideological divisions, and the intervention of foreign powers. As a result, three successive wars took place between the two kingdoms, ultimately leading to the resolution of the conflict through the signing of the Treaty of Amasya in 1555. Consequently, the treaty resulted in the annexation of Baghdad into the Ottoman Empire.*

**Keywords:** Safavid, Ottoman, conflict, ideology, Treaty of Amasya



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

**Cite This Article:**

Maryam Afifah Sabri & Napisah Karimah Ismail. (2025). Konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Uthmaniyyah pada abad ke-16M [*The Conflict between the Safavid and Ottoman Empires in the 16th Century*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 341-350.

## Pengenalan

Permusuhan antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah merupakan satu daripada konflik geopolitik terbesar pada abad ke-16M yang melibatkan pertembungan ideologi, politik dan ekonomi. Konflik ini berpunca daripada perbezaan ideologi antara mazhab Syiah yang menjadi dasar pegangan Kerajaan Safawiyyah dan mazhab Sunni yang dipegang oleh Kerajaan Uthmaniyyah (Savory, 2007; Roemer, 1986). Kedua-dua kerajaan ini berusaha memperkuuh pengaruh mereka di kawasan strategik seperti Mesopotamia (Iraq), Armenia dan wilayah Kaukasus yang menjadi rebutan bukan hanya untuk kepentingan agama tetapi juga kawalan terhadap laluan perdagangan antarabangsa (Holt et al., 1977). Dalam konteks ini, konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah tidak hanya menjadi pertembungan antara dua kuasa serantau tetapi juga simbol persaingan ideologi dalam dunia Islam (Mitchell, 2017).

Hubungan antara kedua-dua buah kerajaan ini telah mengalami perubahan drastik sebelum konflik 1532-1555. Walaupun terdapat hubungan perdagangan dan diplomasi yang kadangkala damai, namun ketegangan hubungan antara dua buah kerajaan ini menjadi semakin meningkat selepas Perang Chaldiran pada tahun 1514, di mana Kerajaan Uthmaniyyah telah menewaskan Kerajaan Safawiyyah dan menguasai wilayah-wilayah penting seperti Tabriz dan Anatolia Timur (Shaw, 1976). Namun, konflik yang lebih luas dan berterusan tercetus pada dekad 1530-an apabila Shah Tahmasp I dari Kerajaan Safawiyyah memperkuuh kedudukannya di Iran sementara Sultan Suleiman I, pemerintah Uthmaniyyah memulakan siri ekspedisi untuk mengukuhkan kawalan terhadap wilayah perbatasan (Woodhead, 2011; Fleischer, 1996). Konflik ini menjadi semakin tegang dengan sifat ekspansionis kedua-dua belah pihak dan peranan kuasa luar seperti Portugal dan Habsburg yang turut mempengaruhi ketegangan kekuasaan di kawasan tersebut (Ágoston, 2005).

Konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah 1532-1555 telah membawa kesan mendalam kepada geopolitik dan masyarakat Timur Tengah. Perang ini bukan sahaja melibatkan pertempuran langsung di medan perang, tetapi juga kempen propaganda dan strategi perang psikologi yang menyentuh soal legitimasi politik berdasarkan agama (Faroqhi, 2006). Hasil daripada perjanjian damai Amasya pada tahun 1555, pembahagian wilayah yang jelas di antara kedua-dua kuasa besar ini berjaya menstabilkan hubungan bilateral untuk sementara waktu (Mitchell, 2017; Savory, 2007). Namun, konflik ini meninggalkan warisan jangka panjang terhadap struktur politik, ekonomi, dan agama di kawasan tersebut, yang terus dirasai hingga ke era moden.

Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor tercetusnya konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Uthmaniyyah dari tahun 1532 hingga 1555 dan apakah kesan daripada perjanjian perdamaian yang dilakukan pada tahun 1555 sebagai langkah penyelesaian kepada konflik berkenaan. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian sejarah dan

pemerolehan data adalah melalui analisis kandungan daripada sumber primer dan sekunder. Perbincangan dimulakan dengan latar belakang permulaan konflik antara Uthmaniyyah dan Safawiyyah, diikuti dengan faktor-faktor tercetusnya konflik dan diakhiri dengan kesan Perjanjian Perdamaian Amasya 1955.

## Latar Belakang Permulaan Konflik Safawiyyah-Uthmaniyyah

Konflik antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah dapat dirujuk kepada asal-usul hubungan mereka sebelum tahun 1532. Kedua-dua buah kerajaan ini muncul sebagai kuasa besar di Timur Tengah dengan perbezaan ideologi yang ketara. Kerajaan Uthmaniyyah yang diasaskan di Turki melihat dirinya sebagai pelindung utama dunia Islam Sunni, manakala Kerajaan Safawiyyah yang asalnya merupakan gerakan Sufi, kemudiannya menjadi pendukung mazhab Syiah Imamiyah di bawah pemerintahan Raja Shah Ismail I (Faroqhi, 2006). Perbezaan ideologi ini telah mencetuskan ketegangan yang ketara khususnya di wilayah-wilayah sempadan seperti Anatolia Timur dan Azerbaijan yang memiliki populasi Syiah yang ramai (Matthee, 1999).

Ketegangan awal antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah mencapai kemuncaknya dalam Perang Chaldiran pada tahun 1514. Dalam pertempuran ini, Salim I dari Kerajaan Uthmaniyyah telah memimpin pasukan yang besar untuk menentang Shah Isma'il I dari Kerajaan Safawiyyah. Dengan menggunakan artileri moden, Kerajaan Uthmaniyyah berjaya memenangi peperangan ini dan menguasai wilayah-wilayah penting seperti Tabriz dan Anatolia Timur (Shaw, 1976). Kekalahan Kerajaan Safawiyyah dalam peperangan ini melemahkan kedudukan Shah Isma'il I, namun tidak menghentikan perkembangan ideologi Syiah di kawasan tersebut. Sebaliknya, kemenangan Kerajaan Uthmaniyyah mengukuhkan imej mereka sebagai pelindung utama dunia Islam Sunni (Kafadar, 2007; Agoston, 2005).

Walaupun kemenangan Kerajaan Uthmaniyyah dalam Perang Chaldiran memberikan kelebihan sementara, persaingan antara kedua-dua buah kerajaan ini terus-menerus berlaku. Shah Tahmasp I, pengganti kepada Shah Isma'il I telah mengambil pendekatan yang berbeza dengan mengelakkan konfrontasi secara langsung melalui perang gerila dan strategi defensif (Mitchell, 2009). Sebaliknya, Suleiman I yang memerintah Kerajaan Uthmaniyyah dari tahun 1520 hingga 1566, memulakan kempen agresif untuk memperluas pengaruhnya di kawasan sempadan. Suleiman I dikenali sebagai pemimpin yang bercita-cita tinggi dan mahir dalam strategi ketenteraan dan sentiasa berusaha untuk memperluaskan penguasaan Kerajaan Uthmaniyyah di Timur Tengah (Faroqhi, 2006; Roemer, 1986).

Selepas Perang Chaldiran, walaupun tiada perjanjian rasmi dibuat, Kerajaan Uthmaniyyah menguasai wilayah Mesopotamia (Iraq) dan sebahagian wilayah Kaukasus. Namun, Kerajaan Safawiyyah terus berusaha untuk mendapatkan kembali wilayah-wilayah ini melalui pemberontakan kecil dan penyusupan ke kawasan sempadan (Holt et al., 1977). Ketegangan ini semakin meningkat apabila Kerajaan Safawiyyah menyokong gerakan Qizilbash di Anatolia Timur yang dianggap sebagai ancaman langsung terhadap kestabilan politik Kerajaan Uthmaniyyah (Holt et al., 1977).

Persaingan ini juga mencerminkan perbezaan dalam gaya kepimpinan antara Suleiman I dan Shah Tahmasp I. Suleiman I dikenali sebagai pemimpin yang agresif dan strategik dan

banyak memfokuskan kepada penguasaan wilayah baru dan memperkuatkan kawalan di kawasan yang telah dikuasai. Sebaliknya, Shah Tahmasp I lebih cenderung menggunakan strategi defensif seperti memusnahkan bekalan logistik musuh dan menarik pasukannya ke kawasan pergunungan untuk mengelakkan pertempuran secara langsung (Matthee, 1999). Pendekatan yang berbeza ini mencerminkan bagaimana kedua-dua pemimpin tersebut menyesuaikan strategi mereka dengan keadaan geopolitik yang dihadapi oleh kerajaan masing-masing.

Akhirnya, konflik antara Kerajan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah pada tempoh sebelum tahun 1532 menjadi asas kepada persaingan yang lebih besar pada masa hadapan. Perbezaan ideologi, persaingan geopolitik, dan gaya kepimpinan yang kontras terus mencetuskan ketegangan yang membawa kepada siri peperangan yang lebih besar. Menurut Faroqhi (2006), persaingan ini bukan sahaja mempengaruhi kedua-dua buah kerajaan secara langsung, tetapi juga membentuk geopolitik Timur Tengah dengan kesan yang masih dirasai sehingga kini.

## **Faktor Pencetus Konflik Safawiyyah-Uthmaniyyah (1533-1555)**

Persaingan antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah pada tahun 1533 hingga 1555 didorong oleh pelbagai faktor yang saling berkait. Faktor-faktor ini telah menyebabkan hubungan di antara dua buah kerajaan ini sentiasa tegang walaupun terdapat usaha perdamaian untuk menghapuskan konflik yang sekian lama terjadi. Antaranya ialah perebutan wilayah, perbezaan ideologi dan penglibatan kuasa asing.

### **Perebutan Wilayah dan Persaingan Geopolitik**

Satu daripada penyebab utama konflik adalah perebutan wilayah strategik seperti Baghdad, Tabriz, dan kawasan perbatasan lain yang menjadi pusat kuasa dan perdagangan. Baghdad yang pernah menjadi pusat kekhilafahan Abbasiyah mempunyai nilai simbolik dan strategik yang besar bagi kedua-dua buah kerajaan. Bagi Kerajaan Uthmaniyyah, penguasaan ke atas Baghdad bermakna memperkuatkan kedudukan mereka sebagai pelindung Islam Sunni. Manakala bagi Kerajaan Safawiyyah pula, Baghdad dianggap sebagai pintu masuk penting ke kawasan Syiah di dunia Arab yang membolehkan pengaruh mereka diperluaskan (Faroqhi, 2006).

Sementara Tabriz pula merupakan ibu kota awal Kerajaan Safawiyyah dan merupakan kota penting yang terletak di Azerbaijan. Kota ini sering menjadi sasaran utama kerana lokasinya yang strategik, iaitu di persimpangan laluan perdagangan antara Asia Tengah dan Timur Tengah (Matthee, 1999). Penguasaan Tabriz oleh Kerajaan Uthmaniyyah bukan sahaja mengancam kedudukan politik Kerajaan Safawiyyah tetapi juga memberikan kelebihan kepada Uthmaniyyah dalam mengawal perdagangan di laluan sutera (Faroqhi, 2006). Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan Uthmaniyyah untuk mengekalkan kawalan ke atas Tabriz terbukti mencabar kerana lokasi kota tersebut yang jauh dari pusat pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah. Hal ini menjadikan Kerajaan Uthmaniyyah sukar untuk mempertahankan kota tersebut secara kekal kerana kedudukannya yang lebih berhampiran dengan wilayah

pemerintahan Kerajaan Safawiyah (Shaw, 1976). Penguasaan ke atas wilayah-wilayah strategik tersebut sangat penting bagi kedua-dua buah kerajaan dan didorong atas faktor ekonomi, perdagangan dan laluan strategik yang menghubungkan Asia, Eropah, dan Timur Tengah.

## Perbezaan Ideologi

Perbezaan mazhab keagamaan antara Sunni dan Syiah adalah satu lagi faktor penting yang mencetuskan konflik ini. Kerajaan Uthmaniyyah di bawah Suleiman I, berpegang teguh pada ajaran Sunni dan melihat penyebaran ideologi Syiah oleh Kerajaan Safawiyah sebagai ancaman langsung terhadap kestabilan politik dan keagamaan di wilayah mereka (Lapidus, 2002). Sebaliknya, Kerajaan Safawiyah di bawah pimpinan Shah Tahmasp I secara aktif mempromosikan mazhab Syiah Imamiyah, terutama di kawasan perbatasan seperti Anatolia Timur yang mempunyai komuniti Syiah yang signifikan (Mitchell, 2009). Strategi ini sering kali disokong oleh pemberontakan tempatan seperti gerakan Qizilbash yang setia kepada Kerajaan Safawiyah dan dianggap sebagai ancaman serius oleh Kerajaan Uthmaniyyah (Roemer, 1986).

Selain itu, propaganda sektarian juga menjadi alat penting dalam konflik ini. Kerajaan Uthmaniyyah mengangkat diri mereka sebagai pelindung umat Islam Sunni dan pengganti *Khilafah Abbasiyyah* sementara Kerajaan Safawiyah mendakwa sebagai pelindung utama umat Islam Syiah di seluruh dunia (Avery et al., 1968). Persaingan ini diperkuatkan lagi oleh retorik agama yang keras dan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh ulama kedua-dua pihak untuk memperkuat sokongan terhadap perang melawan bid'ah pihak lawan. Fatwa-fatwa ini bukan sahaja memotivasi askar tetapi juga memperdalam polarisasi sektarian dalam kalangan penduduk kawasan tersebut (Farroghi, 2006).

## Penglibatan Kuasa Asing

Keterlibatan kuasa asing khususnya ancaman dari Eropah, turut memainkan peranan besar dalam mencetuskan konflik ini. Kerajaan Uthmaniyyah menghadapi tekanan besar dari Kerajaan Habsburg yang dipimpin oleh Charles V dan Ferdinand I, yang melancarkan serangan di wilayah Kerajaan Uthmaniyyah di Eropah. Perang Uthmaniyyah-Habsburg yang berlangsung serentak dengan konflik Uthmaniyyah-Safawiyah telah memaksa Kerajaan Uthmaniyyah untuk membahagikan sumber ketenteraan mereka di antara dua medan utama (Turnbull, 2003). Ini memberikan peluang kepada Kerajaan Safawiyah untuk menyerang wilayah perbatasan tanpa menghadapi ancaman besar dari tentera Kerajaan Uthmaniyyah (Matthee, 1999).

Pada masa yang sama, konflik ini memberikan kelebihan kepada kuasa-kuasa Eropah. Avery et al. (1968) menjelaskan bahawa Kerajaan Habsburg dan negara-negara Eropah lain sering kali berusaha untuk melemahkan dominasi Kerajaan Uthmaniyyah dengan menyokong pemberontakan dalaman atau cuba membentuk pakatan dengan Kerajaan Safawiyah. Walaupun pakatan formal antara Kerajaan Habsburg dan Kerajaan Safawiyah tidak pernah terwujud sepenuhnya, usaha diplomatik ini mencerminkan bagaimana Eropah berusaha

memanfaatkan perpecahan dalam dunia Islam untuk keuntungan politik mereka (Matthee, 1999). Turnbull (2003) menekankan bahawa langkah-langkah ini memberikan ruang bagi Eropah untuk mengimbangi kuasa besar Islam, khususnya di kawasan strategik seperti Laut Tengah.

Ketidakstabilan dalaman kedua-dua buah kerajaan juga menyumbang kepada konflik ini. Suleiman I, pemerintah Uthmaniyyah menghadapi cabaran dalam mengekalkan kestabilan di wilayah-wilayah yang luas dan menguruskan pemberontakan dalaman di Anatolia Timur yang memperlihatkan sokongan gerakan Qizilbash terhadap Kerajaan Safawiyyah. Di pihak Kerajaan Safawiyyah pula, Shah Tahmasp I harus menghadapi pemberontakan suku-suku tempatan serta tekanan dari pemimpin-pemimpin yang tidak puas hati dengan dasar pemerintahannya (Mitchell, 2009). Ketidakstabilan dalaman ini sering kali digunakan oleh pihak lawan untuk memanfaatkan kelemahan mereka.

Konflik yang berlangsung selama lebih daripada dua dekad ini akhirnya berakhir dengan Perjanjian Amasya pada tahun 1555. Sebagaimana yang diperincikan oleh Roemer (1986), perjanjian ini menetapkan sempadan antara kedua-dua buah kerajaan dan memberikan Baghdad kepada Uthmaniyyah, sementara Safawiyyah mengekalkan kawalan ke atas wilayah mereka di Iran. Faktor-faktor pencetus kepada konflik ini adalah perbezaan ideologi, persaingan geopolitik dan pengaruh kuasa asing terus membayangi hubungan antara kedua-dua buah kerajaan ini dan meninggalkan kesan yang mendalam terhadap politik dan masyarakat di Timur Tengah (Faroqhi, 2006).

## Kempen Ketenteraan Uthmaniyyah-Safawiyyah

Konflik yang berlaku antara dua kerajaan tersebut mencetuskan tiga siri kempen ketenteraan atau peperangan iaitu kempen pertama berkalu antara tahun 1532 hingga 1536, kedua berlaku pada tahun 1548 hingga 1549 dan ketiga pada tahun 1553 hingga 1555.

### Kempen Pertama (1532-1536)

Pada tahun 1532, pasukan Turki Uthmaniyyah menyerang dan menggempur kota Bitlis di Anatolia Timur sehingga menyebabkan gabenornya terbunuh di dalam pengepungan ini kerana beralih kesetiaanya kepada pihak Safawiyyah (Roemer, 1986). Kota Bitlis dapat ditawan oleh pasukan tentera Ibrahim Pasha, *wazir* yang dilantik oleh Suleiman I pada tahun 1533. Ibrahim Pasha mendapat surat perintah dari Suleiman I untuk menuju masuk ke wilayah empayar Safawiyyah dengan menggempur kota Tabriz.

Pada 15 Julai 1533, Ibrahim Pasha menggempur kota Tabriz dan dapat menawan kota tersebut pada 1534 dengan bantuan pasukan Uthmaniyyah yang berkekuatan dua kali ganda tentera Safawiyyah. Ini menyebabkan Shah Tahmasp I berundur dan keluar daripada kota Tabriz bersama pasukan tenteranya yang masih terselamat kerana pada waktu ini kekuatan pasukan baginda tidak setanding dengan pasukan tentera Uthmaniyyah. Pada tahun yang sama, Suleiman I bersama pasukan tentera seramai 200,000 bergabung dengan pasukan Ibrahim Pasha di kota Tabriz dan bergerak untuk menggempur kota Baghdad. Pada akhir November tahun 1534, pasukan Suleiman I berjaya menawan kota Baghdad daripada pasukan Shah Tahmasp I.

Shah Tahmasp I terpaksa berundur lagi (Imber, 2012: 70). Di Baghdad, Suleiman I dianugerahkan gelaran Penjaga Tanah Haramain (Kota suci Madinah dan Mekah) dan dibai'ah oleh penduduk kota Baghdad sebagai khalifah yang sah menggantikan *Khilafah* 'Abbasiyyah. Pada bulan Oktober tahun 1535, Suleiman I terpaksa menundakan operasi mengejar pasukan Shah Tahmasp I setelah sebahagian pasukan tenteranya tidak dapat menahan cuaca musim sejuk yang sudah bermula dan mereka semua kembali semula ke Istanbul. Dalam kempen pertama ini, seramai 30,000 orang tentera Turki Uthmaniyyah terbunuh dan 20,000 orang lagi cedera atau ditawan oleh tentera musuh. Kempen ini tidak diteruskan pada tahun 1536 berikutan pembunuhan Ibrahim Pasha pada 15 Mac 1536.

## Kempen Kedua (1548-1549)

Kempen ketentaraan memerangai Kerajaan Safawiyah menyaksikan Suleiman I sendiri turun padang memerangi Shah Tahmasp I. Tujuannya adalah untuk menghapuskan sepenuhnya kekuasaan Shah Tahmasp I. Ketika ini, kota Tabriz kembali ke tangan Shah Tahmasp I. Suleiman I dan pasukannya berjaya menawan kembali kota Tabriz pada bulan Julai 1548 dan seterusnya menawan juga kota benteng milik Shah Tahmasp I di wilayah Armenia. Pada 25 Ogos 1548, pasukan Suleiman I berjaya menawan benteng Van di utara Anatolia dan meluaskan kekuasaannya hingga ke Georgia (Downey, 2009).

Setelah menawan benteng Van, Suleiman I bekerjasama dengan saudara Shah Tahmasp I, iaitu Alqas Mirza yang ketika itu menjadi gabenor Kerajaan Safawiyah di wilayah Shirvan. Tujuan Alqas Mirza untuk berpaktat dengan Suleiman I adalah untuk merampas takhta dari tangan Shah Tahmasp I (Imber, 2012). Namun demikian, Suleiman I tidak berjaya menyelamatkan Alqas Mirza daripada ditangkap oleh penduduk kota Isfahan yang masih berpihak kepada Shah Tahmasp I dan beliau dipenjarakan dalam benteng Qahqaha sehingga akhir hayatnya. Suleiman I juga berjaya menawan beberapa buah benteng musuh di wilayah Georgia yang terletak berhampiran di bahagian timur kawasan Laut Hitam. Ketika berundur, Shah Tahmasp I membumihanguskan kesemua benteng kota yang mempunyai pelbagai kemudahan termasuk bekalan air dan makanan kerana disyaki akan dapat dimanfaatkan oleh pasukan Suleiman I (Imber, 2012). Pasukan Suleiman I mengejar pasukan Shah Tahmasp I hingga ke wilayah Kaukasus, namun Suleiman I terpaksa menarik kembali tenteranya ke Istanbul kerana sebahagian pasukannya tidak dapat bertahan dalam cuaca sejuk pergunungan yang ekstrim serta salji yang tebal di Kaukasus dan bekalan makanan yang semakin berkurangan. Oleh itu, kempen kedua ini ditunda dalam tahun 1549.

## Kempen Ketiga (1553-1555)

Pada tahun 1552, Shah Tahmasp I memimpin pasukannya menyerang wilayah Erzurum yang pada ketika itu berada di bawah kekuasaan Uthmaniyyah dan mengalahkan pasukan Iskandar Pasha serta menangkap salah seorang jeneral perang penting Suleiman I, iaitu Sinan Beg. (Imber, 2012). Shah Tahmasp I berjaya menghapuskan lebih kurang 3,000 orang tentera Uthmaniyyah di luar benteng kota Erzurum. Berita pembantaian Shah Tahmasp I di Erzurum membuatkan Suleiman I murka dan baginda sekali lagi memimpin pasukannya untuk memburu

Shah Tahmasp I dalam kempen kali ketiga. Suleiman I dan pasukannya dapat menawan kembali kota Erzurum pada tahun 1553 dari tangan pasukan Shah Tahmasp I.

Shah Tahmasp I turut melakukan taktik berundur sambil membumihanguskan benteng-benteng miliknya yang dijangka akan ditawan oleh pasukan Suleiman I. Suleiman I mengejar pasukan Shah Tahmasp I hingga ke satu daerah di selatan Parsi, namun Suleiman I dan pasukannya semakin lelah dalam episod kejar mengejar tersebut. Akhirnya memutuskan untuk mengikat perjanjian damai dengan mereka. Suleiman I dan Shah Tahmasp I menandatangani Perjanjian Damai Amasya pada 29 Mei 1555 bertempat di kota Amasya (Imber 2012; Mitchell, 2009). Dengan perjanjian tersebut, maka berakhirlah kempen ketenteraan sebanyak tiga kali di antara kedua-dua buah kerajaan tersebut.

## **Perjanjian Perdamaian Amasya (1555) sebagai Satu Langkah Penyelesaian Konflik**

Perjanjian Amasya yang ditandatangani pada tahun 1555 antara Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah menandakan titik penting dalam sejarah hubungan kedua-dua buah kerajaan ini. Perjanjian ini ditandatangani selepas beberapa tahun pertempuran sengit, termasuk Perang Chaldiran pada 1514 dan beberapa konflik lain yang berlanjutan sepanjang abad ke-16M (Roemer, 1986). Pada tahun 1555, Suleiman I mewakili Kerajaan Uthmaniyyah dan Shah Tahmasp I mewakili Kerajaan Safawiyyah bertemu di Amasya untuk merundingkan perdamaian (Mitchell, 2009). Perjanjian ini disusun untuk mengakhiri permusuhan dan menetapkan sempadan baru di kawasan yang dipertikaikan, termasuk penguasaan wilayah Baghdad dan Mesopotamia (Iraq) oleh Kerajaan Uthmaniyyah serta pembahagian wilayah Kaukasus di antara kedua-dua belah pihak. Meskipun perjanjian ini berfungsi untuk mewujudkan keamanan sementara, ia tidak dapat menghapuskan persaingan sektarian dan ketegangan jangka panjang antara Sunni dan Syiah (Faroqhi, 2006).

Satu daripada elemen penting dalam perjanjian ini adalah pembagian wilayah yang menguntungkan kedua-dua pihak. Wilayah Baghdad yang pada ketika itu merupakan pusat keagamaan dan ekonomi yang penting serta seluruh Mesopotamia diberikan kepada Kerajaan Uthmaniyyah. Menurut Faroqgi (2006), hal ini merupakan kemenangan besar bagi Kerajaan Uthmaniyyah kerana penguasaan wilayah Baghdad telah membuka laluan mereka ke Teluk Parsi yang merupakan laluan perdagangan utama yang menghubungkan dunia Timur dan Barat. Tambahan pula, penguasaan ini membolehkan Kerajaan Uthmaniyyah mengukuhkan kedudukan mereka sebagai pelindung utama dunia Islam Sunni sekali gus meningkatkan legitimasi politik mereka di wilayah Arab (Arjomand, 1984).

Selain itu, wilayah Kaukasus yang sangat strategik juga dibahagikan antara kedua buah kerajaan. wilayah di sekitar kota Tabriz dan daerah yang berdekatan dengan Iran dan Armenia dibahagi antara Kerajaan Uthmaniyyah dan Kerajaan Safawiyyah (Shaw, 1976). Kerajaan Safawiyyah menguasai wilayah utama mereka di Iran sementara Kerajaan Uthmaniyyah menerima sebahagian besar kawasan Kaukasus termasuk wilayah yang kaya dengan sumber alam. Pembahagian ini bertujuan untuk menstabilkan sempadan dan mengurangkan ketegangan yang telah berlarutan selama beberapa dekad (Shaw, 1976).

Walaupun ia menandakan titik persetujuan, perjanjian ini juga membawa kepada ketegangan jangka panjang dalam penguasaan dan kawalan wilayah. Implikasi besar perjanjian ini adalah berkenaan dengan kestabilan politik dalam kedua-dua buah kerajaan. Bagi Kerajaan Uthmaniyyah, penguasaan Baghdad dan Mesopotamia (Iraq) membawa keuntungan politik dan ekonomi yang signifikan kerana mereka dapat mengawal laluan perdagangan utama dan mengukuhkan pengaruh mereka di wilayah Arab (Matthee, 1999). Bagi Kerajaan Safawiyyah pula, walaupun kehilangan Baghdad, namun, mereka tetap dapat mengekalkan wilayah utama mereka di Iran yang membolehkan mereka untuk terus memainkan peranan penting dalam politik Islam Syiah (Mitchell, 2009). Dalam jangka panjang, Perjanjian Amasya memberikan masa damai sementara antara kedua-dua buah kuasa besar ini mengurangkan ketegangan dan persaingan terbuka di kawasan tersebut (Mitchell, 2009).

Walau bagaimanapun, perjanjian ini tidak berjaya menghapuskan persaingan dan konflik yang lebih luas di kawasan tersebut. Pembahagian wilayah ini tidak menyelesaikan masalah sektarian antara Sunni Uthmaniyyah dan Syiah Safawiyyah yang terus berlanjutan dalam bentuk ketegangan agama dan politik. Meskipun kedua-dua buah kerajaan bersetuju untuk tidak melakukan serangan terhadap satu sama lain dalam tempoh yang ditetapkan, perjanjian ini tidak dapat menghentikan propaganda sektarian yang terus menyala di kalangan penduduk masing-masing (Faroqhi, 2006). Ketegangan ini membuktikan bahawa Perjanjian Amasya hanya merupakan penyelesaian sementara bagi konflik yang sedang berlaku ini.

Perjanjian Amasya turut membawa implikasi penting terhadap hubungan kedua-dua kerajaan dengan kuasa asing. Ancaman daripada negara-negara Eropah khususnya Kerajaan Habsburg terus meningkat pada tempoh ini (Avery et al. 1968). Perjanjian ini memberi peluang kepada kedua-dua kerajaan untuk menumpukan lebih banyak kekuatan mereka kepada mempertahankan sempadan mereka daripada ancaman Eropah (Turnbull, 2003). Walaupun persaingan dalaman antara Kerajaan Uthmaniyyah dan Kerajaan Safawiyyah berkurangan buat sementara waktu, konflik tetap berlanjutan dalam pelbagai bentuk sepanjang abad ke-16 terutamanya dalam kawasan-kawasan strategik seperti Anatolia dan Mesopotamia (Iraq) (Faroqhi 2006).

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kedua-dua Kerajaan Safawiyyah dan Kerajaan Uthmaniyyah muncul sebagai kuasa besar yang mendominasi dunia Islam pada abad ke-16M. Walaupun keduanya mempunyai ideologi yang berbeza, namun mereka memainkan peranan penting dalam membentuk sejarah politik dan agama Islam. Perbezaan mazhab Sunni dan Syiah menjadi punca utama kepada ketegangan politik yang wujud antara mereka dengan setiap kerajaan berusaha mengekal dan mengembangkan pengaruh mereka di dunia Islam. Perbezaan ini tidak hanya memberi impak kepada hubungan kedua-dua kerajaan tetapi juga terhadap masyarakat Islam secara keseluruhan dan mencipta suatu landskap politik yang penuh dengan persaingan dan ketegangan.

## Rujukan

- Ágoston, G. 2005. *Guns for the Sultan: Military Power and the Weapons Industry in the Ottoman Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Arjomand, S.A. 1984. *The Shadow of God and the Hidden Imam: Religion, Political Order, and Societal Change in Shi'ite Iran from the Beginning to 1890*. Chigaco: University of Chicago Press.
- Avery, P., Hambly, G.R.G. & Melville, C. (pnyt.). 1968. *The Cambridge History of Iran*. Jil. 7. Cambridge: Cambridge University Press.
- Downey, F.D. 2009. *The Grand Turke: Suleyman the Magnificent, Sultan of the Ottomans*. New York: Minton, Balch & Company.
- Faroqhi, S. 2006. *The Ottoman Empire and the World Around It*. London: I.B. Tauris.
- Fleischer, C. 1996. *Bureaucrat and Intellectual in the Ottoman Empire: The Historian Mustafa Ali (1541-1600)*. Princeton: Princeton University Press.
- Holt, P.M., Lambton, A.K.S. & Lewis, B. (pnyt.). 1977. *The Cambridge History of Islam*. Jil. 1A. Cambridge: Cambridge University Press.
- Imber, C. 2012. *Kerajaan Ottoman, 1300-1650*. Terj. Irianto Kurniawan. Jakarta: PT Elex Media Komputindo.
- Kafadar, C. 2007. *Between Two Worlds: The Construction of the Ottoman State*. Berkeley: University of California Press.
- Lapidus, I.M. 2002. *A History of Islamic Societies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Matthee, R. 1999. *The Politics of Trade in Safavid Iran: Silk for Silver, 1600-1730*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mitchell, C. 2009. *The Practice of Politics in Safavid Iran: Power, Religion, and Leadership*. London: I.B. Tauris.
- Mitchell, C. 2017. *Warfare and Armed Conflicts: A Statiscal Encyclopedia of Casualty and Other Figures*. Jefferson, N.C.: McFarland.
- Roemer, H.R. 1986. The Safavid period. Dlm. Jackson, P. & Lockhart, L. (pnyt.). *The Cambridge History of Iran*, hlm. 189-350. Cambridge: Cambridge University Press.
- Savory, R. 1980. *Iran under the Safavids*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Shaw, S.J. 1976. *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jil. 1: Empire of the Gazis. Cambridge: Cambridge University Press.
- Turnbull, S. 2003. *The Ottoman Empire 1326-1699*. Oxford: Osprey Publishing.
- Woodhead, C. 2011. *The Ottoman World*. London: Routledge.